

SMART MINI FOGGING

1. MOHAMMAD SALAM BIN HASBI
2. MOHAMMAD YUSOF BIN HANAFI@JOHARI
3. MOHAMAD NOOR SHAHIDDIN BIN DRAHMAN


PENERANGAN PRODUK

Smart mini fogging ini merupakan sejenis alat yang mampu untuk menghalau nyamuk dan dapat mengelakan bertambahnya pembiakan nyamuk d halaman rumah. *Smart mini fogging* ini yang mampu meghasilkan asap dari sistem pembakaran dari bahan iaitu diesel. *Smart mini fogging* ini dapat dihasilkan dengan mudah kerana bahan binaan dalam proses pembuatannya sangat mudah dan boleh didapati di kedai-kedai hardware.

OBJEKTIF

1. Fokus kepada pengguna yang tinggal di sekitar kampung
2. Bertindak awal untuk mencegah pembiakan nyamuk di dalam rumah
3. Pengguna dapat memiliki dengan mudah atau membuat alat ini disebabkan bahan-bahan ini mudah didapati
4. mudah digunakan dan ringan.

GAMBAR RAJAH



APA YANG KITA PERLU TAHU SEMASA BUAT FOGGING

1. Semburan kabus (fogging) adalah semburan racun pembunuh nyamuk Aedes dewasa yang membawa virus dengan segera supaya penyakit denggi dapat dikawal daripada merebak.
2. emburan kabus (fogging) dilakukan dengan menggunakan mesin yang menggunakan bancuhan racun serangga yang sesuai. Ia akan dilakukan di dalam dan di luar kawasan premis bangunan atau kediaman kira-kira 200 meter sekitarnya dengan menggunakan mesin "Thermal Fogger".
3. Semburan kabus (fogging) dilakukan pada waktu awal pagi dan petang (senja) kerana nyamuk Aedes aktif menggigit pada waktu tersebut serta keadaan cuaca pada masa tersebut adalah sesuai untuk semburan kabus (fogging)
4. Ia akan dilakukan apabila kejadian kes denggi dilaporkan di kawasan tersebut dalam tempoh 24 jam dan akan diulang selepas 7-10 hari. Ulangan ini dilakukan berdasarkan kitaran hidup nyamuk Aedes selama seminggu dan tempoh peneraman virus dalam nyamuk Aedes lebih kurang 10 hari berikutnya.
5. Semburan kabus bukan penyelesaiannya untuk mengurangkan kes demam denggi.

GAMBAR PROJEK



Aktiviti semburan kabus merupakan langkah pencegahan yang terakhir bagi membunuh nyamuk aedes dewasa dan bukannya langkah paling utama.

Walaupun cara ini berjaya membasmi dan mengurangkan populasi nyamuk dewasa, ianya hanya berkesan untuk jangka masa pendek sahaja.

SEMBURAN KABUS (FOGGING) GAGAL JIKA:

1. Operasi dilakukan semasa cuaca terlalu panas.
2. Operasi dilakukan dalam keadaan cuaca yang sangat berangin.
3. Operasi diteruskan semasa waktu hujan.

